



IKHLAS Basic Hospital Income Benefit Takaful

Takaful Ikhlas Family Berhad (No. Pendaftaran : 200201025412)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200, Kuala Lumpur.

Tel: 03 - 2723 9999 **Faks:** 03 - 2723 9998 **IKHLAS Care:** 03 - 2723 9696 **Laman Sesawang:** www.takafulikhlas.com.my

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Sijil Takaful ini dikeluarkan setelah penerimaan penuh Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful dan bergantung kepada jawapan yang diberikan oleh anda dan/ atau Orang Yang Dilindungi di dalam borang permohonan anda atau mana-mana soal selidik seterusnya oleh kami.

Maklumat material itu hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara kami dan anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat penting itu, hanya remedii dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat apa-apa salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau meminda apa-apa perkara sebelum ini semasa penyerahan atau pembaharuan.

Anda mesti memberitahu kami apa-apa perubahan kepada maklumat yang diberikan kepada Kami dalam jawapan anda atau berkennaan dengan apa-apa perkara sebelum ini yang telah didedahkan kepada kami berhubung dengan Sijil Takaful jika perubahan tersebut telah berlaku selepas anda mengemukakan permohonan untuk pembaharuan/ kelainan tetapi sebelum Sijil diperbaharui atau diubah.

Yang berikut harus dibaca bersama dengan provisi-provisi di dalam dokumen Sijil Takaful ini.

1. BUKTI UMUR

Bukti umur diperlukan sebelum pembayaran tuntutan sekiranya umur belum diperakui. Sijil Takaful anda akan menyatakan sama ada umur anda telah diperakui. Jika ia belum diperakui, sila hantarkan satu salinan Kad Pengenalan atau Sijil Kelahiran kepada kami untuk rekod kami.

2. PEMBAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan-sumbangan Takaful boleh dibayar melalui Kad Kredit atau Autodebit.

Sebarang penolakan bayaran Sumbangan Takaful untuk pihak Syarikat yang dinyatakan di dalam Penyata Kad Kredit atau Penyata Bank anda akan dikira sebagai pengesahan pembayaran Sumbangan Takaful oleh pihak Syarikat. Oleh itu, tiada resit akan dikeluarkan.

3. PENAMAAN

Penamaan tidak digunakan untuk pelan ini. Manfaat Takaful akan dibayar terus ke akaun Peserta Takaful.

4. TEMPOH BERTENANG (HAK UNTUK PEMBATALAN)

Anda boleh memulangkan Sijil Takaful ini kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh anda menerima Sijil Takaful ini. Syarikat akan dengan serta-merta memulangkan Sumbangan Takaful yang telah dibayar.

Dengan pemulangan Sijil Takaful kepada pihak Syarikat dan dibatalkan oleh pihak Syarikat, Sijil Takaful ini dianggap terbatal dan liabiliti Syarikat terhenti dari Tarikh Kuat Kuasa.

5. PENYERAHAN KEMBALI SIJIL TAKAFUL

Anda boleh menyerah kembali Sijil Takaful anda pada bila-bila masa selagi Sijil Takaful anda masih berkuat kuasa. Walau bagaimanapun pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa amaun kepada Peserta Takaful semasa penyerahan. Oleh itu Sijil Takaful anda tidak akan mempunyai sebarang nilai. Ianya mungkin tidak baik untuk anda menyerah kembali atau menggantikan Sijil Takaful anda dengan yang baru. Ini kerana anda akan kehilangan segala manfaat yang anda nikmati sebelum ini.

6. PERTANYAAN BERKENAAN SIJIL TAKAFUL ANDA

Untuk bantuan segera untuk perkhidmatan dan pertanyaan, sila hubungi kami di talian +603-2723 9696, Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami yang terdekat atau e-mel kepada kami di ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

7. PERTUKARAN ALAMAT

Untuk membolehkan kami memaklumkan kepada anda tentang maklumat penting, anda perlu memastikan alamat surat-menjurut anda yang diberikan kepada kami adalah alamat terkini.

8. PENYERAHAN TUNTUTAN

Jika anda perlu membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis beserta penyerahan dokumen lengkap seperti senarai semak yang disertakan bersama Sijil Takaful kepada kami di cawangan terdekat kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian.

Setelah kami menerima notis tuntutan dengan dokumen-dokumen lengkap, kami akan memproses tuntutan anda. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi kami di talian +603-2723 9696 di waktu pejabat.

9. ADUAN

Sekiranya terdapat sebarang aduan terhadap pihak Syarikat, anda boleh hantarkan kepada:

Takaful Ikhlas Family Berhad
Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2723 9696
Faks : +603-2723 9998
Emel : complaints@takaful-ikhlas.com.my

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

Takaful Ikhlas Family Berhad
IKHLAS Point, 9th Floor, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South
No 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.
Untuk Perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh membuat rayuan kepada pihak Syarikat. Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka anda boleh merujuk kes anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh satu ratus lapan puluh (180) hari dari hari pihak Takaful IKHLAS membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur.
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
Emel : enquiry@ofs.org.my
Laman sesawang: www.fmb.org.my

Contact Centre (BNMTELELINK)
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur.

TELEFON/FAKSIMILI/EMEL
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar negara: +603-2174-1717)
Faks: +603-2174-1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

DEFINISI-DEFINISI AM

1. “**Kemalangan**” bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan luarbiasa yang disebabkan oleh sumber-sumber luaran dan boleh dilihat yang berlaku pada tarikh, waktu dan tempat yang dikenal pasti, yang mana akan secara langsung dan bebas daripada sebab-sebab lain, yang menjadi punca untuk kecederaan badan kepada Orang yang Dilindungi.
 2. “**Tarikh Kuat Kuasa**” bermaksud tarikh di mana perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful ini bermula, seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
 3. “**Tempoh Bertenang**” bermaksud tempoh atau masa yang diberikan kepada Peserta Takaful untuk memulangkan Sijil Takaful kepada Syarikat.
 4. “**Tahun Kewangan**” bermaksud tempoh dari 1 April mana-mana tahun kalendar ke 31 Mac tahun kalendar berikutnya.
 5. “**Hibah**” bermaksud pemberian yang tidak mengharapkan apa-apa balasan.
 6. “**Hospital**” bermaksud sebuah institusi berdaftar yang ditubuhkan untuk tujuan memberikan rawatan dan penjagaan pesakit katil berbayar atau pesakit yang cedera dan mempunyai kemudahan untuk:
 - Perkhidmatan 24 jam kejururawatan oleh jururawat yang berdaftar dan bertauliah;
 - Diagnostik dan pembedahan utama; dan
 - Di bawah pengawasan Pakar Perubatan.
- Sebuah Hospital adalah BUKAN:
- Sebuah klinik;
 - Sebuah rumah pemulihan, rumah penjagaan atau rumah orang-orang tua;
 - Sebuah pusat permulihan untuk penagih alkohol atau dadah; atau
 - Sebuah rumah untuk warga tua dan uzur.
7. “**Kemasukan ke Hospital**” bermaksud penerimaan masuk ke Hospital sebagai pesakit berdaftar untuk menerima Perubatan Yang Diperlukan bagi Kehilangan Upaya seperti yang di syorkan oleh Doktor. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika secara fizikalnya pesakit tidak tinggal di dalam Hospital bagi keseluruhan tempoh kemasukan ke Hospital.
 8. “**Unit Rawatan Rapi**” bermaksud satu seksyen di dalam sebuah Hospital yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital dan diselia rapi selama dua puluh empat (24) jam hanya untuk merawat pesakit yang berada dalam keadaan kritis dan dilengkapi khidmat jagaan dan perubatan khas yang tidak disediakan di mana-mana bahagian lain di Hospital itu.
 9. “**Tarikh Matang**” bermaksud tarikh Sijil Takaful luput, seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
 10. “**Orang Yang Dilindungi**” bermaksud Peserta Takaful yang membuat kontrak Takaful dan berkenaan dengannya manfaat Takaful boleh dibayar kepada Peserta Takaful itu seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful apabila berlaku kejadian yang dipersetujui terdahulu di bawah Sijil Takaful.
 11. “**Doktor**” membawa maksud pengamal perubatan yang berdaftar sepenuhnya atau doktor pakar berdasarkan Seksyen 14 Akta Perubatan 1971 (Akta 50), atau mana-mana undang-undang berkaitan bagi kes di mana Pengamal Perubatan atau doktor pakar beramat di luar Malaysia, tetapi tidak termasuk pengamal perubatan atau doktor pakar yang dirinya merupakan Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi sendiri, suami atau isterinya, saudara mala, rakan perniagaan, rakan sekerta, rakan sekutu atau pekerja kepada/atau majikan kepada Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi.
 12. “**Qard**” bermaksud kontrak pinjaman wang di mana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
 13. “**Tarikh Penguatkuasaan Semula**” bermaksud tarikh permohonan anda untuk penguatkuasaan semula diluluskan oleh Kami.
 14. “**Dana Risiko**” bermaksud kumpulan dana yang berasaskan kepada konsep Tabarru' yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan Peserta-Peserta Takaful.
 15. “**Amaun Perlindungan**” bermaksud amaun perlindungan untuk manfaat Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
 16. “**Tabarru'**” bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-Peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
 17. “**Takaful**” bermaksud suatu persetujuan berdasarkan pertolongan secara bersama di mana Peserta Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Peserta Takaful atau beneficiari mereka apabila berlakunya keadaan yang telah dipersetujui dahulu.
 18. “**Perniagaan Takaful**” bermaksud urusniaga berkaitan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
 19. “**Sijil Takaful**” merujuk kepada Helaian Maklumat Sijil Takaful, Penyata Maklumat Sijil, semua peruntukan-peruntukan Sijil, Borang Permohonan Cadangan dan semua pengendorsan.

20. "Helaian Maklumat Sijil Takaful" adalah helaian maklumat yang mengandungi butiran berkenaan Peserta Takaful dan Orang Yang Dilindungi, maklumat penyertaan, manfaat asas, Sumbangan Takaful dan tempoh penyertaan.
21. "Sumbangan Takaful" bermaksud jumlah yang kena dibayar oleh Peserta Takaful kepada Syarikat di bawah Sijil Takaful dan termasuklah apa-apa saraan bagi fungsi dan kewajipan yang diambil alih oleh Syarikat seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
22. "Peserta Takaful, anda" bermaksud seorang yang mempunyai hakmilik yang sah di sisi undang-undang dan pemegang Sijil Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful dan termasuklah:
 - a) Orang Yang Dilindungi, jika Peserta Takaful juga merupakan Orang Yang Dilindungi;
 - b) Pemegang serah hak yang sah; dan
 - c) Wakil persendirian Peserta Takaful yang sah.
23. "Syarikat, kami" adalah bermaksud Takaful Ikhlas Family Berhad, pengantinya atau pemegang serahhak.
24. "Wakalah" merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

1. KONTRAK

- 1.1. Sijil Takaful ini beserta borang cadangan, maklumat perubatan dan segala pengisyiharan yang dibuat oleh Peserta Takaful dan/atau Orang Yang Dilindungi dan pengendorsan (jika ada), akan membentuk keseluruhan kontrak di antara Peserta-peserta Takaful dan pihak Syarikat ("Kontrak"). Segala peruntukan atau endosmen yang dibuat selepas ini oleh pihak Syarikat selepas Tarikh Kuat Kuasa adalah menjadi sebahagian daripada syarat dan terma Kontrak.
- 1.2. Pematuhan Peserta Takaful terhadap terma, peruntukan, syarat serta endosmen Sijil Takaful ini merupakan syarat terdahulu apa-apa tanggungan Syarikat untuk membuat bayaran di bawah Sijil Takaful ini.
- 1.3. Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

2. PINDAAN TERHADAP SIJIL TAKAFUL

- 2.1. Sebarang peruntukan di bawah Sijil Takaful ini tidak boleh diketepikan, dipinda, dipelbagaikan atau ditukar kecuali melalui endosmen ke atas Sijil Takaful yang telah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Syarikat.

3. PEMFAILAN BUKTI KEHILANGAN

- 3.1. Semua maklumat atau bahan bukti yang diperlukan oleh Syarikat yang berkaitan dengan apa-apa tuntutan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah dikemukakan dalam bentuk dan jenis yang telah ditetapkan oleh Syarikat dan kosnya ditanggung oleh Peserta Takaful.
- 3.2. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi. Walaupun Syarikat dapat menerima bukti-bukti penyakit yang dikemukakan tersebut, namun Syarikat mempunyai hak untuk menuntut daripada Orang Yang Dilindungi untuk menjalani pemeriksaan daripada Pakar Perundingan yang dilantik oleh Syarikat.

4. SALAHNYATA

- 4.1. Kegagalan untuk memberikan jawapan yang penuh tepat boleh mengakibatkan pembatalan Sijil Takaful, keengganahan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan Sijil Takaful.
- 4.2. Apabila Sijil Takaful ini menjadi terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan, tiada sebarang amaun akan dipulangkan.

5. PENIPUAN

- 5.1. Sekiranya Peserta Takaful memberi pernyataan, butiran, pengisyiharan atau jawapan yang salah, palsu atau mengelirukan bagi sebarang perkara yang dia ketahui atau sepertutnya diketahui atau orang munasabah sepertutnya mengetahui adalah relevan kepada keputusan Syarikat untuk menerima atau tidak risiko tersebut dan kadar serta terma yang akan dikenakan ataupun yang sama ditahan atau sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau keterlaluan atau sebarang pengisyiharan, pernyataan atau dokumen palsu dikemukakan untuk menyokong tuntutan, dalam keadaan itu Sijil Takaful boleh menjadi terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan dari Tarikh Kuat Kuasa.
- 5.2. Apabila Sijil Takaful ini menjadi terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan tiada sebarang amaun akan dipulangkan.

6. PEMERIKSAAN PERUBATAN

- 6.1. Pemeriksaan perubatan tidak diguna pakai untuk pelan ini.

7. UMUR DAN JANTINA

- 7.1. Sijil Takaful ini adalah dikeluarkan berdasarkan kepada umur yang tercatat pada Helaian Maklumat Sijil Takaful iaitu umur Orang Yang Dilindungi pada tarikh lahir yang akan datang dan juga berdasarkan jantinanya.
- 7.2. Jika berlaku salah nyata umur dan jantina, Syarikat akan menyelaraskan Sumbangan Takaful dengan sewajarnya berdasarkan umur dan jantina yang betul. Syarikat juga akan membuat salah satu penyelesaian yang berikut:
- Jika jumlah Sumbangan Takaful yang dicaj daripada Tarikh Kuatkuasa Sijil Takaful ini adalah lebih tinggi daripada jumlah Sumbangan Takaful yang patut dicaj berdasarkan umur dan jantina yang betul, Syarikat seterusnya akan membayar perbezaan tersebut dari Dana Risiko kepada Peserta Takaful.
 - Jika jumlah Sumbangan Takaful yang dicaj daripada Tarikh Kuatkuasa Sijil Takaful ini adalah lebih rendah daripada jumlah Sumbangan Takaful yang patut dicaj berdasarkan umur dan jantina yang betul, Syarikat seterusnya akan menolak perbezaan tersebut dari bayaran Manfaat Takaful.
- 7.3. Sebagai tambahan kepada (a) atau (b) di atas, Syarikat boleh mengubah Sijil Takaful dengan mengubah tempoh perlindungan Sijil Takaful ke tempoh perlindungan berdasarkan umur dan jantina yang betul.
- 7.4. Peserta Takaful tidak boleh mempertikaikan Sijil Takaful jika Syarikat memilih mana-mana opsyen di atas dan termasuklah dilaraskan sewajarnya dan Syarikat tidak boleh mengelakkan Sijil Takaful ini atau menolak tuntutan atas alasan salahnya umur Orang Yang Dilindungi.
- 7.5. Jika pada umur dan jantina yang betul Orang Yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat perlindungan Takaful, Sijil Takaful ini akan dianggap terbatal dan semua tabarru' yang telah ditolak akan dipindahkan dari Dana Risiko kepada Peserta Takaful. Yuran Wakalah tidak akan dikembalikan.
- 7.6. Bukti umur dan jantina Orang Yang Dilindungi mesti dikemukakan sehingga Syarikat berpuas hati. Syarikat berhak menuntut dan meminta bukti umur dan jantina untuk dikemukakan oleh Orang Yang Dilindungi pada bila-bila masa.

8. KEBEBASAN DARI SEBARANG HALANGAN ATAU SEKATAN

- 8.1. Sijil Takaful ini tidak mengandungi sebarang sekatan ke atas Orang Yang Dilindungi bagi tujuan perjalanan, kediaman ataupun pekerjaan kecuali seperti yang dikecualikan secara khusus di dalam Sijil Takaful.

9. MATA WANG

- 9.1. Apa-apa bayaran yang telah dibuat oleh Peserta Takaful kepada Syarikat atau Syarikat telah membuat bayaran kepada Peserta Takaful, hendaklah dalam Ringgit Malaysia di Ibu Pejabat Syarikat di Kuala Lumpur atau di mana-mana cawangan yang dibenarkan oleh pihak Syarikat.

10. UNDANG-UNDANG DAN TAFSIRAN

- 10.1. Sijil Takaful ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selaras mengikut Undang-Undang Malaysia.
- 10.2. Apa-apa tindakan atau guaman terhadap Syarikat hanya boleh dimulakan di mahkamah Malaysia.

11. TIDAK BOLEH TANDING

- 11.1. Jika Sijil Takaful ini telah berkuat kuasa bagi tempoh lebih dari dua (2) tahun dalam tempoh hayat Orang Yang Dilindungi, Syarikat tidak boleh mengelakkan Sijil Takaful ini atas alasan terdapat pernyataan yang dibuat atau yang ditinggalkan daripada dibuat di dalam borang cadangan untuk Takaful atau di dalam laporan doktor, pengadil atau mana-mana orang lain atau di dalam dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil Takaful ini adalah tidak tepat atau palsu atau mengelirukan melainkan Syarikat menunjukkan pernyataan yang dibuat itu adalah mengenai perkara material atau menyekat suatu fakta material dan ia dibuat atau ditinggalkan secara menipu oleh Peserta Takaful atau Orang Yang Dilindungi.
- 11.2. "Perkara material" atau "fakta material" bermaksud suatu perkara atau fakta yang, jika diketahui oleh Syarikat boleh membawa kepada keengganahan Syarikat untuk mengeluarkan Sijil Takaful ini kepada Peserta Takaful atau mengenakan termasuklah yang kurang berfaedah kepada Peserta Takaful berbanding dengan yang diperuntukkan di dalam Sijil Takaful ini.

12. TEMPOH EHSAN

- 12.1. Peserta Takaful diberikan tempoh ehsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir Sumbangan Takaful untuk membayar Sumbangan Takaful yang seterusnya. Sepanjang tempoh ini, Sijil Takaful akan kekal berkuat kuasa.

12.2. Walau bagaimanapun, Sijil Takaful ini akan luput pada hujung tempoh ehsan sekiranya Sumbangan Takaful masih tidak dibayar pada hujung tempoh ehsan.

13. NOTIS

- 13.1. Semua notis hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan secara sempurna kepada Peserta Takaful sekiranya dihantar atau ditinggalkan ke alamat terakhir yang dimaklumkan kepada pihak Syarikat.
- 13.2. Seterusnya, semua notis bertulis hendaklah diserahkan kepada pihak Syarikat secara sempurna ke Ibu Pejabat Syarikat.
- 13.3. Sebarang notis yang dihantar dalam bentuk pos adalah dianggap telah dihantar dalam tempoh tiga (3) hari selepas diposkan, tidak dikira sama ada perkara yang sama diterima atau tidak.

14. CUKAI

- 14.1. Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tidak termasuk cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

15. PERBELANJAAN

- 15.1. Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang melibatkan kepentingan mereka yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PEMILIKAN

1. PESERTA TAKAFUL

- 1.1. Peserta Takaful adalah orang yang tercatat di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful. Hanya Peserta Takaful yang telah mencapai umur enam belas (16) tahun boleh, semasa hayatnya melaksanakan semua hak, keistimewaan dan opsyen yang diberi di bawah Sijil Takaful ini. Ini adalah tertakluk kepada hak-hak pemegang serah hak, jika ada.

2. SERAH HAK

- 2.1. Serah hak ke atas Sijil Takaful atau manfaat-manfaat Takaful adalah tidak dibenarkan di bawah pelan ini.

3. PENAMA

- 3.1. Penama tidak diperlukan di bawah pelan ini. Semua manfaat-manfaat Takaful akan dibayar kepada Peserta Takaful semasa tuntutan.

4. PERUBAHAN PENAMA

- 4.1. Tidak terpakai.

5. BENEFISIARI DI BAWAH HIBAH BERSYARAT

- 5.1. Tidak terpakai.

6. WASI

- 6.1. Tidak terpakai.

7. PELEPASAN PENERIMAAN

- 7.1. Pembayaran sebarang manfaat yang dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan denganannya.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DANA

1. DANA RISIKO

- 1.1 Baki dari Sumbangan Takaful (setelah ditolak Yuran Wakalah dan Caj Sijil Takaful) akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' (derma). Ianya akan digunakan bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.
- 1.2 Dana Risiko akan dilaburkan oleh pihak Syarikat dan sebarang keuntungan terhasil dari pelaburan ini, sekiranya ada, akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) ke dalam Dana Risiko.
- 1.3 Pihak Syarikat tidak akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) ke atas lebihan yang diisyiharkan pada akhir setiap Tahun Kewangan. Lebihan akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) ke dalam Dana Risiko. Oleh itu, lebihan tidak akan dibahagikan di antara Peserta-peserta Takaful dan Syarikat.
- 1.4 Jika Dana Risiko mengalami defisit, Pemegang Saham Syarikat akan memberi jumlah yang diperlukan untuk menampung defisit melalui Qard (pembayaran balik Qard akan dilakukan daripada baki lebihan Dana Risiko pada masa akan datang).
- 1.5 Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaian pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan Dana Risiko tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.
- 1.6 Pihak Syarikat akan membayar Amaun Perlindungan berdasarkan manfaat Takaful yang dinyatakan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful daripada Dana Risiko. Pihak Syarikat tidak akan membayar manfaat serahan atau matang di bawah Sijil Takaful ini daripada Dana Risiko.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

1. PEMBAYARAN SUMBANGAN TAKAFUL

- 1.1 Sumbangan Takaful perlu dibayar pada atau sebelum tarikh akhir perlu bayar di ibu pejabat Syarikat atau mana-mana cawangan Syarikat berdasarkan Kekerapan Bayaran Sumbangan Takaful seperti yang tercatat di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
- 1.2 Setelah Sumbangan Takaful pertama dijelaskan, kegagalan dalam membayar Sumbangan Takaful yang berikutnya pada tarikh akhir perlu bayar ataupun di dalam tempoh ehsan akan bermaksud kegagalan dalam pembayaran Sumbangan Takaful.
- 1.3 Tiada resit yang sah untuk Sumbangan Takaful kecuali yang dicetak oleh mesin pengeluar resit atau ditandatangani pegawai yang disahkan oleh pihak Syarikat.

2. YURAN WAKALAH

- 2.1 Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang dinyatakan di dalam seksyen Yuran-yuran dan Caj-caj untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta Takaful.

3. PENGIRAAN DAN PENGURUSAN SUMBANGAN TAKAFUL

- 3.1 Kesemua Sumbangan Takaful selepas ditolak yuran Wakalah dan Caj Sijil Takaful, akan diperuntukkan 100% ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' (derma) dan digunakan bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.
- 3.2 Sumbangan Takaful dikira berdasarkan umur Orang Yang Dilindungi pada hari jadi akan datang pada masa permohonan dibuat, pelan yang dipilih dan jantina. Sumbangan Takaful yang dibayar untuk setiap Sijil Takaful yang diperbaharui semula akan ditentukan berdasarkan umur tercapai (umur akan datang) dan kadar tertentu pada masa pembaharuan.
- 3.3 Sumbangan Takaful bagi Sijil Takaful yang diperbaharui boleh dinaikkan selaras dengan kenaikan dan kadar caj risiko. Caj risiko akan dipantau dari semasa ke semasa dan akan dibandingkan dengan pengalaman pihak Syarikat dan kadar caj risiko oleh Retakaful akan dikaji jika perlu.
- 3.4 Sumbangan Takaful tidak dijamin dan Syarikat berhak untuk mengkaji dan mengubah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar dengan memberikan Peserta Takaful notis sembilan puluh (90) hari sebelum ulang tahun Sijil Takaful.

4. PENAMBAHAN SUMBANGAN TAKAFUL

- 4.1 Penambahan Sumbangan Takaful adalah tidak dibenarkan untuk Pelan Takaful ini.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN APABILA TIADA BAYARAN

1. APABILA TIADA BAYARAN

- 1.1. Apabila tempoh ehsan telah tamat dan pembaharuan Sumbangan Takaful masih belum berbayar, maka Sijil Takaful ini akan menjadi luput dan ditamatkan serta-merta.
- 1.2. Tiada Manfaat Takaful akan dibayar selepas Sijil Takaful menjadi luput.

2. PENGUATKUASAAN SEMULA SIJIL TAKAFUL

- 2.1. Sekiranya pembaharuan Sumbangan Takaful masih gagal dibuat selepas tempoh ehsan dan Sijil Takaful menjadi luput, ianya boleh dikuatkuaskan semula di atas persetujuan Syarikat dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas Sijil Takaful menjadi luput tertakluk kepada:
 - i) Permohonan bertulis memohon penguatkuasaan semula Sijil Takaful;
 - ii) Peserta Takaful mengemukakan bukti kelayakan untuk dilindungi yang memuaskan pihak Syarikat sekiranya Peserta Takaful telah gagal untuk menjelaskan Sumbangan Takaful lebih dari satu ratus lapan puluh (180) hari; dan
 - iii) Pembayaran balik pembaharuan Sumbangan Takaful tertunggak sepenuhnya.
- 2.2. Bukti kelayakan untuk dilindungi hendaklah termasuk borang pengisyitihan kesihatan yang perlu disempurnakan oleh Peserta Takaful yang boleh diterima oleh pihak Syarikat. Setiap penguatkuasaan semula akan dikenakan Yuran Penguatuasaan Semula seperti yang dinyatakan di seksyen Yuran-yuran dan Caj-caj.
- 2.3. Tiada perlindungan takaful akan diberikan di bawah Sijil Takaful ini untuk tempoh antara tarikh Sijil Takaful ini menjadi luput dan tarikh pihak Syarikat meluluskan penguatkuasaan semula.
- 2.4. Sebarang keadaan kesihatan yang didiagnosis atau gejala yang timbul semasa tempoh luput tidak akan dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.
- 2.5. Sebarang perubahan kepada keadaan kesihatan semasa tempoh luput hendaklah diberitahu kepada pihak Syarikat dengan menfaillkan borang Pengisyitihan Kesihatan sebelum penguatkuasaan semula.
- 2.6. Tiada penguatkuasaan semula dibenarkan selepas tempoh dua belas (12) bulan daripada status luput.
- 2.7. Tempoh Menunggu akan digunakan semula semasa penguatkuasaan semula.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN MANFAAT

1. MANFAAT BOLEH DIBAYAR

- 1.1. Apabila Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke mana-mana hospital yang disahkan oleh pihak Syarikat selepas Tempoh Menunggu, pihak Syarikat akan membayar Manfaat Harian Hospital (HIB) kepada Peserta Takaful berdasarkan Amaun Perlindungan yang ditunjukkan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
- 1.2. HIB hanya akan dibayar sekiranya Peserta Takaful dimasukkan ke hospital untuk tempoh melebihi enam (6) jam (tidak termasuk penjagaan harian) di mana-mana hospital kerajaan atau hospital atau pusat perubatan berlesen yang dibenarkan oleh pihak Syarikat berdasarkan saranan dan mendapat kebenaran doktor atau pakar bedah yang berkelayakan secara sah.
- 1.3. Jumlah hari maksimum yang akan dibayar untuk HIB adalah terhad kepada sembilan puluh (90) hari setiap tahun Sijil Takaful.
- 1.4. Sekiranya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi di mana-mana hospital yang disahkan oleh pihak Syarikat samada di hospital yang didaftarkan di Malaysia atau diuar negara, pihak Syarikat akan membayar Manfaat Unit Rawatan Rapi Harian Hospital (HIB ICU) kepada Peserta Takaful berdasarkan Amaun Perlindungan yang ditunjukkan di dalam Helaian Maklumat Sijil Takaful.
- 1.5. Jumlah hari maksimum yang akan dibayar untuk HIB ICU adalah terhad kepada tiga puluh (30) hari setiap tahun Sijil Takaful.
- 1.6. Jumlah hari maksimum yang akan dibayar untuk kedua-dua HIB dan HIB ICU adalah terhad kepada satu ratus lapan puluh (180) hari sehingga Tarikh Matang. Apabila jumlah hari maksimum yang perlu dibayar telah habis, Sijil Takaful akan tamat.
- 1.7. Peserta Takaful dibenarkan untuk membuat tuntutan samada HIB atau HIB ICU sehari.
- 1.8. Bayaran manfaat Takaful adalah dijamin oleh Dana Risiko. Apabila berlaku kekurangan dalam Dana Risiko, pihak Syarikat akan menyelesaikan defisit tersebut melalui Qard.

2. TEMPOH MENUNGGU

- 2.1. Tiga puluh (30) hari tempoh menunggu adalah terpakai untuk kemasukan ke hospital yang bukan disebabkan oleh kemalangan.

- 2.2. Satu ratus dua puluh (120) hari tempoh menunggu adalah terpakai untuk kemasukan ke hospital yang disebabkan oleh Penyakit-penyakit Khusus.

"**Penyakit-penyakit Khusus**" bermakna hilang upaya dan kompliasi yang berkaitan dengannya seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular; atau
- ii) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polys; atau
- iii) Batu-batu dari sistem kencing dan sistem biliary; atau
- iv) Semua telinga, hidung (termasuk sinus) dan keadaan tekak; atau
- v) Hernia, buasir, fistulae, hidrosel, varikosele; atau
- vi) Endometriosis termasuk penyakit berkaitan sistem pembiakan; atau
- vii) Gangguan Vertebro-spinal (termasuk cakera) dan keadaan lutut.

3. PENGECUALIAN-PENGECUALIAN

- 3.1. Sijil Takaful ini tidak akan melindungi kemasukan ke hospital yang berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, dari salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:-

- i) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- ii) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisyiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
- iii) Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan; atau
- iv) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin; atau
- v) Kecederaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kendaraan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- vi) Hilang upaya yang bermula sebelum penerimaan perlindungan; atau
- vii) Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicetuskan olehnya; atau
- viii) Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan; atau
- ix) Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif; atau
- x) Sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau kewujudan sebarang Virus Human Immunodeficiency dan semua jenis penyakit akibat hubungan kelamin; atau
- xi) Rawatan Penjagaan Harian, Pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan gigi dan rawatan, perubahan jantina serta explorasi atau perbedahan eksperimen; atau
- xii) Berkaitan dengan kehamilan atau melahirkan anak; atau
- xiii) Ujian atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, pencegah kehamilan, pemandulan, berkhatan atau sebarang jenis pengguguran disebabkan oleh masalah psikologi atau sosial, dan akibat daripadanya; atau
- xiv) Sijil Takaful ini adalah tidak melindungi kemasukan ke hospital dalam masa tempoh menunggu dari tarikh pengeluaran atau tarikh Sijil Takaful ini dihidupkan semula kecuali kemasukan ke hospital tersebut adalah kerana kemalangan. Kemasukan ke hospital (HIB) di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful ini, kecuali untuk HIB ICU; atau
- xv) Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan kongenital atau kecacatan termasuk keadaan keturunan; atau
- xvi) Penyakit-penyakit khusus yang ditentukan dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa atau Tarikh Penguatkuasaan Semula yang terkini, yang mana terkemudian. Walau bagaimanapun, sekiranya perlindungan terbatas dalam tempoh sebelum tarikh luput satu ratus dua puluh (120) hari tersebut, Tempoh Menunggu akan terpakai semula dari Tarikh Penguatkuasaan Semula; atau
- xvii) Sebarang keadaan sedia ada; atau
- xviii) Kemasukan ke Hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan umum, bukan bertujuan untuk rawatan atau diagnosis kecacatan yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang tidak diperlukan secara perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Doktor, dan rawatan khusus untuk pengurangan atau kenaikan berat badan; atau
- xix) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, tetapan tulang, rawatan herba, urut atau aroma terapi atau rawatan alternatif lain; atau
- xx) Pemeriksaan mata, cermin mata dan pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau perolehan alat atau peranti prostetik luaran seperti anggota palsu/tiruan, alat bantu pendengaran, alat perantak implan dan preskripsi; atau
- xxi) Penjagaan kejururawatan swasta, ubat penstabilan atau penjagaan kebersihan, pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelnya, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau
- xxii) Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik); atau
- xxiii) Kemasukan ke Hospital untuk tujuan perdermaan mana-mana organ badan oleh Orang Yang Dilindungi.

4. SIJIL TAKAFUL TAMAT TEMPOH

- 4.1. Apabila Peserta Takaful masih hidup pada tempoh matang Sijil Takaful seperti yang tertera di dalam helaian Maklumat Sijil Takaful, perlindungan akan ditamatkan dan Sijil Takaful tidak mempunyai sebarang nilai.

5. LIEN

- 5.1. Tidak diguna pakai.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENGELUARAN

1. PENGELUARAN TUNAI

- 1.1. Pengeluaran separa tidak diguna pakai untuk pelan ini.

2. PENYERAHAN SIJIL TAKAFUL

- 2.1. Semasa hayat Peserta Takaful, hanya Peserta Takaful berhak membuat penyerahan Sijil Takaful dengan memberi notis secara bertulis kepada pihak Syarikat. Walau bagaimanapun, Sijil Takaful tidak akan mempunyai sebarang nilai serahan. Seterusnya, Sijil Takaful akan dibatalkan.
- 2.2. Tarikh Kuat Kuasa penyerahan adalah pada tarikh bayaran Sumbangan Takaful yang berikutnya.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TUNTUTAN

1. NOTIS TERHADAP TUNTUTAN

- 1.1. Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan.
- 1.2. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika mempunyai alasan yang munasabah untuk menjelaskan kenapa notis tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan.

2. BUKTI TUNTUTAN

- 2.1. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh kemasukan ke hospital.

3. PEMBAYARAN TUNTUTAN

- 3.1. Segala pembayaran manfaat harian hospital akan dibuat kepada Peserta Takaful. Penama dan serah hak adalah tidak terpakai terhadap Sijil Takaful ini.

4. PENIPUAN DAN SALAH KENYATAAN

- 4.1. Sekiranya Peserta Takaful memberi maklumat, butir-butir atau pengisyiharan atau membuat tuntutan yang tidak betul, palsu atau menipu, atau menyembunyikan fakta material, sama ada dengan niat menipu atau sebaliknya, perlindungan Takaful di bawah Sijil Takaful ini akan menjadi tidak sah dan terbatas dari Tarikh Kuat Kuasa.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENAMATAN SIJIL TAKAFUL

1. Sijil Takaful ini dengan sendirinya akan tamat apabila:

- 1.1 apabila Peserta Takaful meninggal dunia; atau
1.2 setelah penyerahan Sijil Takaful oleh Peserta Takaful; atau
1.3 pada Tarikh Matang; atau
1.4 apabila mencapai jumlah hari maksimum yang akan dibayar seperti yang dinyatakan di bawah Peruntukan-peruntukan Manfaat; atau
1.5 apabila Sijil Takaful telah menjadi luput;

yang mana terdahulu.

2. Setelah penamatan Sijil Takaful, tiada manfaat Takaful akan dibayar. Segala pembayaran atau penerimaan Sumbangan Takaful bagi Sijil Takaful ini selepas ditamatkan tidak akan menyebabkan sebarang liabiliti terhadap Syarikat tetapi Syarikat akan memulangkan kembali jumlah Sumbangan Takaful yang penuh selepas ditolak sebarang keberhutangan ke atas Sijil Takaful, jika ada.
3. Penamatan Sijil Takaful ini adalah tanpa prasangka ke atas mana-mana tuntutan yang timbul sebelum tarikh penamatan.

YURAN-YURAN DAN CAJ-CAJ

1. YURAN WAKALAH: seperti jadual di bawah, berdasarkan Peratusan Sumbangan Takaful

| | |
|---|---------------|
| Tahun Sijil Takaful | 1 dan ke atas |
| % daripada Sumbangan Takaful KasarTahunan | 20% |

2. CAJ SIJIL TAKAFUL

- 2.1. Caj Sijil Takaful sebanyak RM48 untuk setiap Sijil Takaful akan dikenakan setiap tahun. Caj ini adalah tambahan kepada Yuran Wakalah.

3. CAJ TABARRU'

- 3.1. Amaun tabarru' dikira berdasarkan baki yang tinggal daripada Sumbangan Takaful setelah ditolak Yuran Wakalah dan Caj Sijil Takaful.

4. YURAN PENGUATKUASAAN SEMULA

- 4.1. Yuran penguatkuasaan semula sebanyak RM15, ditambah cukai-cukai lain, jika ada, pada kadar semasa.

5. DUTI SETEM

- 5.1. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan sekali sahaja semasa permulaan.

6. KADAR SUMBANGAN TAKAFUL

- 6.1. Kadar sumbangan takaful tahunan mengikut pelan ditunjukkan di dalam jadual di bawah. Kadar tersebut adalah berdasarkan umur tercapai.

| Umur | Pelan A (HIB = RM200 setiap hari) | | Pelan B (HIB = RM100 setiap hari) | | Pelan C (HIB = RM50 setiap hari) | |
|------|--------------------------------------|-----------|--------------------------------------|-----------|-------------------------------------|-----------|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| 17 | 336 | 336 | 168 | 168 | 84 | 84 |
| 18 | 336 | 336 | 168 | 168 | 84 | 84 |
| 19 | 336 | 336 | 168 | 168 | 84 | 84 |
| 20 | 336 | 344 | 168 | 172 | 84 | 86 |
| 21 | 344 | 344 | 172 | 172 | 86 | 86 |
| 22 | 344 | 344 | 172 | 172 | 86 | 86 |
| 23 | 344 | 352 | 172 | 176 | 86 | 88 |
| 24 | 352 | 356 | 176 | 178 | 88 | 89 |
| 25 | 352 | 360 | 176 | 180 | 88 | 90 |
| 26 | 356 | 364 | 178 | 182 | 89 | 91 |
| 27 | 360 | 364 | 180 | 182 | 90 | 91 |
| 28 | 360 | 364 | 180 | 182 | 90 | 91 |
| 29 | 364 | 368 | 182 | 184 | 91 | 92 |
| 30 | 364 | 376 | 182 | 188 | 91 | 94 |
| 31 | 376 | 384 | 188 | 192 | 94 | 96 |
| 32 | 376 | 388 | 188 | 194 | 94 | 97 |
| 33 | 384 | 392 | 192 | 196 | 96 | 98 |
| 34 | 388 | 396 | 194 | 198 | 97 | 99 |
| 35 | 392 | 400 | 196 | 200 | 98 | 100 |
| 36 | 396 | 412 | 198 | 206 | 99 | 103 |
| 37 | 404 | 416 | 202 | 208 | 101 | 104 |
| 38 | 412 | 420 | 206 | 210 | 103 | 105 |
| 39 | 416 | 424 | 208 | 212 | 104 | 106 |
| 40 | 424 | 428 | 212 | 214 | 106 | 107 |
| 41 | 428 | 432 | 214 | 216 | 107 | 108 |
| 42 | 436 | 444 | 218 | 222 | 109 | 111 |

| Umur | Pelan A (HIB = RM200 setiap hari) | | Pelan B (HIB = RM100 setiap hari) | | Pelan C (HIB = RM50 setiap hari) | |
|------|--------------------------------------|-----------|--------------------------------------|-----------|-------------------------------------|-----------|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| 43 | 444 | 444 | 222 | 222 | 111 | 111 |
| 44 | 452 | 452 | 226 | 226 | 113 | 113 |
| 45 | 464 | 460 | 232 | 230 | 116 | 115 |
| 46 | 468 | 468 | 234 | 234 | 117 | 117 |
| 47 | 484 | 476 | 242 | 238 | 121 | 119 |
| 48 | 492 | 492 | 246 | 246 | 123 | 123 |
| 49 | 508 | 500 | 254 | 250 | 127 | 125 |
| 50 | 524 | 516 | 262 | 258 | 131 | 129 |
| 51 | 544 | 528 | 272 | 264 | 136 | 132 |
| 52 | 560 | 544 | 280 | 272 | 140 | 136 |
| 53 | 576 | 556 | 288 | 278 | 144 | 139 |
| 54 | 596 | 568 | 298 | 284 | 149 | 142 |
| 55 | 616 | 584 | 308 | 292 | 154 | 146 |
| 56 | 640 | 596 | 320 | 298 | 160 | 149 |
| 57 | 668 | 616 | 334 | 308 | 167 | 154 |
| 58 | 692 | 632 | 346 | 316 | 173 | 158 |
| 59 | 716 | 656 | 358 | 328 | 179 | 164 |
| 60 | 748 | 676 | 374 | 338 | 187 | 169 |
| 61 | 776 | 700 | 388 | 350 | 194 | 175 |
| 62 | 816 | 728 | 408 | 364 | 204 | 182 |
| 63 | 856 | 760 | 428 | 380 | 214 | 190 |
| 64 | 900 | 796 | 450 | 398 | 225 | 199 |

Syarikat berhak untuk mengkaji dan mengubah semua yuran, caj dan kadar dengan memberikan Peserta Takaful notis sembilan puluh (90) hari sebelum ulang tahun Sijil Takaful.